No. Rujukan: UTEM100-1/3/1(137)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 52 TAHUN 2022

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF AKADEMIK (ePPTA) UMUM BAGI TAHUN 2022 DAN 2023 DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Pendaftar
10 November 2022 | *15 Rabiulakhir 1444H*

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM100-1/3/1(137)

10 NOVEMBER 2022
15 RABIULAKHIR 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 52/2022

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF AKADEMIK (ePPTA) UMUM TAHUN 2022 DAN 2023 DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 PENDAHULUAN

Pekeliling Pentadbiran ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berhubung keputusan terkini status pelaksanaan Penilaian Prestasi Tahunan Staf Akademik (ePPTA) Umum bagi tahun 2022 dan 2023 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Selaras dengan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 43 Tahun 2021 (Pelaksanaan Penilaian Prestasi Pensyarah Universiti Tahun 2021 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka) dan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 11 Tahun 2022 (Pemakluman Status Terkini Penilaian Prestasi Tahunan Staf Akademik (ePPTA) bagi Tahun 2021 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka) berhubung Penilaian Prestasi Tahunan Staf Akademik (ePPTA) Umum bagi tahun 2021 iaitu telah selesai dilaksanakan di mana markah prestasi tahun 2021 yang terhasil bukanlah markah rasmi penilaian prestasi bagi Pensyarah Universiti. Pelaksanaan ePPTA Umum bagi tahun 2021 adalah sebagai pendedahan kepada Pensyarah Universiti serta familiarisasi kepada sistem ePPTA dan kaedah pemarkahan ePPTA.

2.2 Markah prestasi ePPTA Umum setiap Pensyarah Universiti dan rumusan analisa ePPTA Umum bagi tahun 2021 telah dibentangkan di Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Khas Bilangan 1 Tahun 2022 pada 5 Oktober 2022.

3.0 KEPUTUSAN TERKINI UNIVERSITI BERHUBUNG PELAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF AKADEMIK (ePPTA) BAGI TAHUN 2022 DAN 2023 DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

3.1 Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Khas Bilangan 1 Tahun 2022 pada 5 Oktober 2022 telah memperakukan markah prestasi tahun 2021 bagi 725 orang Pegawai Yang Dinilai (PYD)/Pensyarah Universiti yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Penilaian Penilaian Prestasi Tahunan Staf Akademik (ePPTA), UTeM.

3.2 Markah prestasi yang terhasil adalah berdasarkan pelaksanaan ePPTA Umum tahun 2021 boleh dirujuk di Sistem ePPTA melalui Modul Penilaian. Perincian markah adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Perincian Markah ePPTA Umum Tahun 2021

Bil.	Modul Penilaian
1.	**Jumlah Markah Komponen (85)%: (A1)** Berdasarkan pencapaian tahun 2021 bagi komponen i. Pengajaran & Pembelajaran ii. Penyelidikan iii. Pengamalan dan Perkhidmatan Profesional iv. Kepimpinan Institusi
2.	**Markah Komponen Kualiti Diri dan Pembangunan Insaniah (15%) A2** iaitu: i. *Continuous Professional Developmen*t (CPD)**: (5%)** (Markah terhasil daripada integrasi **Jumlah Mata CPD Dikira tahun 2021** di Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM)) ii. Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) **: (10%)** (Markah terhasil adalah secara automatik iaitu 10%)

Bil.	Modul Penilaian
3.	Ganjaran (Markah Khas oleh Ketua Pusat Tanggungjawab) (Tiada markah ganjaran bagi tahun 2021)
4.	Markah Keseluruhan ePPTA Umum (**MAKSIMUM 100%)** **(A1+ A2)**

3.3. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Khas Bilangan 1 Tahun 2022 pada 5 Oktober 2022 juga bersetuju meluluskan:

3.3.1 pelaksanaan penilaian prestasi Pensyarah Universiti **SECARA SELARI** bagi **TAHUN 2022** di UTeM iaitu:

3.3.1.1 mengguna pakai **Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) bagi menilai prestasi Pensyarah Universiti tahun 2022 iaitu kaedah penilaian prestasi sedia ada yang digunapakai di Universiti selama ini**. Markah yang terhasil melalui LPPT adalah merupakan **MARKAH PRESTASI RASMI** setelah ianya disahkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (bagi tujuan kenaikan pangkat, peminjaman, pergerakan gaji tahunan, Dasar Pemisah dan sebagainya); dan

3.3.1.2 markah prestasi tahun 2022 yang diperolehi menerusi ePPTA Umum dijadikan **RUJUKAN TIDAK RASMI** kepada Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) semasa membuat pemarkahan prestasi Pensyarah Universiti secara LPPT.

3.3.2 pelaksanaan **sepenuhnya ePPTA Umum oleh Pensyarah Universiti bagi tahun 2023**. Markah yang terhasil melalui ePPTA Umum adalah **MARKAH PRESTASI RASMI** yang akan disahkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (bagi tujuan kenaikan pangkat, peminjaman, pergerakan gaji tahunan, Dasar Pemisah dan sebagainya).

4.0 PELAKSANAAN SISTEM PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF AKADEMIK (ePPTA) UMUM BAGI TAHUN 2022

4.1 Pelaksanaan sistem penilaian ePPTA Umum adalah melalui dua (2) kaedah kemasukan data secara:

4.1.1 **proses:** melalui Sistem Maklumat Universiti iaitu Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM), Sistem Maklumat Pelajar (SMP), Sistem Maklumat Pengajian Siswazah (SMPS), Sistem Maklumat Penyelidikan (URIS) dan Sistem Pembelajaran Sepanjang Hayat (SPSH); dan

4.1.2 **pengumpulan data:** melalui Modul Pengumpulan Data bagi item-item yang tiada dalam sistem maklumat sedia ada.

4.2 Pensyarah Universiti boleh memuat naik maklumat pencapaian melalui Modul Kemasukan Data di sistem ePPTA berasaskan web bagi item-item yang tiada dalam sistem maklumat sedia ada **sehingga 31 DISEMBER 2022.**

4.3 Manakala, pelaksanaan integrasi data diteruskan daripada Sistem Maklumat Universiti (SMU) ke sistem ePPTA iaitu integrasi data sepanjang tahun bermula **1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022** bagi tujuan pelaksanaan penilaian prestasi Pensyarah Universiti secara objektif.

5.0 PELAKSANAAN JERAYAWARA

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Khas Bilangan 1 Tahun 2022 pada 5 Oktober 2022 turut bersetuju untuk melantik Jawatankuasa Penilaian Penilaian Prestasi Tahunan Staf Akademik (ePPTA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang akan bertanggungjawab melaksanakan sesi jerayawara di Fakulti/Pusat/Institut bagi memberi penerangan pelaksanaan ePPTA kepada semua Pensyarah Universiti. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi familiarisasi kepada sistem ePPTA dan kefahaman berhubung kaedah pemarkahan ePPTA Umum.

6.0 JADUAL PELAKSANAAN ePPTA UMUM BAGI TAHUN 2022 DAN 2023

6.1 Berikut adalah jadual pelaksanaan ePPTA Umum bagi tahun 2022 dan 2023 seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Jadual Pelaksanaan ePPTA Umum bagi Tahun 2022

PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF AKADEMIK (ePPTA) UMUM TAHUN 2022			
TARIKH	**PROSES PELAKSANAAN ePPTA**	**PROSES PELAKSANAAN LPPT**	**TINDAKAN**
1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022	Proses integrasi data ePPTA dari Sistem Maklumat Universiti Memuat naik maklumat pencapaian melalui Modul Kemasukan Data di Sistem ePPTA		Pensyarah Universiti
1 Disember 2022 sehingga 31 Disember 2022		Memuat naik Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Akhir di Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM)	Pensyarah Universiti
1 Januari 2022 sehingga 14 Januari 2023	Pegawai Pengesah dan Pegawai Pelulus melaksanakan tanggungjawab mengesah dan meluluskan item-item di Modul Pengumpulan Data		Pensyarah Universiti
1 Januari 2023 sehingga 8 Januari 2023	Proses mengubah mata CPD kepada markah ePPTA	Proses mengubah mata CPD kepada markah LPPT	Pejabat Pendaftar

9 Januari 2023 sehingga 15 Januari 2023	Penilaian Pegawai Penilai Pertama (PPP)		Pegawai Penilai Prestasi di Fakulti/Pusat/ Institut
16 Januari 2023 sehingga 22 Januari 2023	Penilaian Pegawai Penilai Kedua (PPK)		Pegawai Penilai Prestasi di Fakulti/Pusat/ Institut
23 Januari 2023 sehingga 29 Januari 2023	Kemasukan markah ganjaran		Ketua Pusat Tanggungjawab
30 Januari 2023 sehingga 6 Februari 2023	Markah prestasi yang diperolehi menerusi ePPTA Umum dijadikan **RUJUKAN TIDAK RASMI** kepada Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) semasa membuat pemarkahan prestasi Pensyarah Universiti secara LPPT tahun 2022.	Penilaian Pegawai Penilai Pertama (PPP)	Pegawai Penilai Prestasi di Fakulti/Pusat/ Institut
7 Februari 2023 sehingga 13 Februari 2023		Penilaian Pegawai Penilai Kedua (PPK)	Pegawai Penilai Prestasi di Fakulti/Pusat/ Institut
14 Februari 2023 sehingga 24 Februari 2023		Pengesahan markah di peringkat Pusat Tanggungjawab oleh Pegawai Penyelaras Prestasi	Penyelaras Penilai Prestasi di Fakulti/Pusat/ Institut
Mac 2023		Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	Pejabat Pendaftar

6.2 Berikut adalah jadual pelaksanaan ePPTA Umum bagi tahun 2023 seperti di Jadual 2:

Jadual 2: Jadual Pelaksanaan ePPTA Umum bagi Tahun 2023

PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF AKADEMIK (ePPTA) UMUM TAHUN 2023		
TARIKH	**PROSES PELAKSANAAN ePPTA**	**TINDAKAN**
1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023	Proses integrasi data ePPTA dari Sistem Maklumat Universiti Memuat naik maklumat pencapaian melalui Modul Kemasukan Data di Sistem ePPTA	Pensyarah Universiti
1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023	Pegawai Pengesah dan Pegawai Pelulus melaksanakan tanggungjawab mengesah dan meluluskan item-item di Modul Pengumpulan Data	Pensyarah Universiti
1 Januari 2024 sehingga 8 Januari 2024	Proses mengubah mata CPD kepada markah ePPTA	Pejabat Pendaftar
9 Januari 2024 sehingga 15 Januari 2024	Penilaian Pegawai Penilai Pertama (PPP)	Pegawai Penilai Prestasi di Fakulti/Pusat/Institut
16 Januari 2024 sehingga 22 Januari 2024	Penilaian Pegawai Penilai Kedua (PPK)	Pegawai Penilai Prestasi di Fakulti/Pusat/Institut
25 Januari 2024 sehingga 29 Januari 2024	Kemasukan markah ganjaran	Ketua Pusat Tanggungjawab

30 Januari 2024 sehingga 12 Februari 2024	Pengesahan markah di peringkat Pusat Tanggungjawab oleh Pegawai Penyelaras Prestasi	Penyelaras Penilai Prestasi di Fakulti/Pusat/Institut
Mac 2024	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	Pejabat Pendaftar

7.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pentadbiran ini adalah **berkuat kuasa mulai 5 Oktober 2022.**

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menjalankan amanah,

MASDZARIF BIN MAHAT
Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka